



JEFFREY Cheah (kiri) diiringi Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher meninjau keadaan dalam bas yang dijadikan Klinik Kesihatan Bergerak yang ditaja oleh Kumpulan Sunway pada majlis penyerahannya di Sunway Pyramid, Subang Jaya, semalam.

NKF tawar pemeriksaan buah pinggang

KUALA LUMPUR 10 Julai - Orang ramai yang ingin membuat pemeriksaan penyakit buah pinggang kini boleh melakukannya secara percuma di Klinik Kesihatan Bergerak NKF Lifecheck anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Pengerusi NKF, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher berkata, yayasan itu kini mempunyai kira-kira 1,450 pesakit yang menerima rawatan dialisis dan subsidi di 25 pusat di seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah pesakit dijangka semakin bertambah setiap tahun.

“Setiap tahun, lebih 4,000 rakyat Malaysia mengalami masalah kegagalan fungsi buah pinggang manakala bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan dialisis pula meningkat tiga kali ganda dalam tempoh 10 tahun iaitu dari 7,837 orang pada 2001 kepada 22,932 orang pada 2010.

“Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya segera menjalani pemeriksaan kesihatan buah pinggang ditawarkan secara percuma supaya tidak mendatangkan kemudaratan yang lebih kronik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

majlis pelancaran Klinik Bergerak NKF Lifecheck kali kedua di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah.

Kumpulan Sunway dan NKF hari ini bersama-sama melancarkan sebuah bas yang dijadikan klinik bergerak, hasil kutipan derma oleh Kumpulan Sunway yang berjumlah RM877,380.

Orang ramai yang ingin mengetahui lokasi-lokasi dan tarikh klinik bergerak tersebut boleh melayari laman web rasmi NKF, www.nkf.org.my.